



PERJANJIAN PEMEGANG KAD BSN –AIAFAM VISA PLATINUM

PROGRAM PULANGAN TUNAI DAN PELAN TANPA FAEDAH UNTUK 12 BULAN KAD KREDIT BSN-AIAFAM VISA PLATINUM

Terma dan syarat ini adalah terpakai kepada Pemegang Kad yang mempunyai Kad BSN-AIAFAM VISA PLATINUM yang dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasional dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/MasterCard.

Semua ungkapan di sini hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/MasterCard kecuali jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain dan di mana dinyatakan dengan jelas sebaliknya.

1. DEFINISI

- 1.1 Dalam Perjanjian ini, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya, perkataan-perkataan yang berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya:-
 - (a) "Pulangan Tunai" bermakna tunai yang diperolehi oleh Pemegang Kad terhadap perbelanjaan yang dicajkan ke atas Kad.
 - (b) "Premium Insurans" bermakna Premium Insurans Nyawa yang dipasarkan oleh AIAFAM.
 - (c) "ZIP" bermakna kemudahan Pelan Pembayaran Tanpa Faedah BSN yang disediakan kepada Pemegang Kad untuk membolehkan Pemegang Kad membayar balik jumlah pembelian barang dan/atau perkhidmatan daripada Rakan Niaga Yang Dibenarkan oleh BSN dengan cara bayaran balik ansuran bulanan.

2. PROGRAM 0.8% PULANGAN TUNAI

- 2.1 Program 0.8% Pulangan Tunai hanya terpakai kepada Pemegang Kad AIAFAM-BSN Visa Platinum yang mempunyai akaun yang baik dan aktif yang mana Pemegang Kad Utama telah memilih untuk mengikuti Program 0.8% Pulangan Tunai semasa menandatangani borang permohonan kad. Pemegang Kad Kredit lain yang dikeluarkan oleh BSN tidak layak untuk menyertai Program 0.8% Pulangan Tunai melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh BSN.
- 2.2 Tertakluk kepada syarat-syarat di sini, kriteria kelayakan penyertaan Program 0.8% Pulangan Tunai adalah seperti berikut:-
 - (a) Pulangan Tunai adalah diberikan kepada Pemegang Kad untuk transaksi Premium Insurans AIAFAM sahaja (tidak termasuk transaksi Premium Insurans AIAFAM di bawah Pelan Tanpa Faedah untuk 12 bulan);
 - (b) Pulangan Tunai terkumpul pada setiap bulan mengikut tarikh kitaran bulan;
 - (c) tiada had maksimum Pulangan Tunai dikira setiap bulan;
 - (d) BSN akan memperuntukkan Pulangan Tunai kepada Pemegang Kad yang layak berdasarkan Pemegang Kad Utama yang tidak disekat, dibatalkan atau ditamatkan oleh BSN;
 - (e) Pulangan Tunai yang diberikan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau selainnya sehingga Program Pulangan Tunai berakhir;
 - (f) tiada mata ganjaran akan diberikan untuk transaksi Premium Insurans AIAFAM yang mengikuti Program Pulangan Tunai; dan
 - (g) Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk menukar program ganjaran daripada Program Pulangan Tunai kepada Program ZIP.
- 2.3 BSN berhak menurut budi bicara mutlaknya mengubah dan/atau meminda peratusan Pulangan Tunai untuk Kad pada bila-bila masa dengan cara menyiarkan di laman web atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BSN dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis sekurang-

kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum apa-apa perubahan, pengubahsuaian dan/atau pindaan dilaksanakan.

Ilustrasi:

Scenario	Premium Insurans AIAFAM	0.8% Pulangan Tunai
I	RM5,000	RM40
II	RM10,000	RM80
III	RM25,000	RM200

- 2.4 BSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan, kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:-
 - (a) apa-apa kerosakan, kecacatan atau kesilapan dalam mana-mana terminal kad atau sistem lain yang dibenarkan, walau apa pun sebabnya yang mengakibatkan kegagalan untuk menentukan jumlah Pulangan Tunai dalam mana-mana Akaun Kad Kredit atau kegagalan untuk melaksanakan atau menyelesaikan apa-apa transaksi; atau
 - (b) sebarang kelewatan atau ketidakupayaan di pihak BSN untuk melaksanakan mana-mana obligasinya menurut Perjanjian ini dan/atau di dalam Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/MasterCard akibat daripada mana-mana kegagalan elektronik, mekanikal, sistem, pemprosesan data atau telekomunikasi, atau apa-apa peristiwa lain di luar kawalan BSN.
- 2.5 Keputusan BSN ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Program 0.8% Pulangan Tunai adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad.
- 2.6 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana risalah atau bahan promosi lain yang mengiklankan Program 0.8% Pulangan Tunai.

3. PROGRAM PELAN TANPA FAEDAH UNTUK 12 BULAN (ZIP)

- 3.1 Program Pelan Tanpa Faedah untuk 12 bulan hanya terpakai kepada Pemegang Kad BSN-AIAFAM Visa Platinum yang mempunyai akaun yang baik dan aktif yang mana Pemegang Kad Utama telah memilih untuk mengikuti Program ZIP semasa menandatangani borang permohonan kad. Pemegang Kad Kredit lain yang dikeluarkan oleh BSN tidak layak untuk menyertai Program ZIP melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh BSN.
- 3.2 Tertakluk kepada syarat-syarat di sini, kriteria kelayakan penyertaan Program Pelan Tanpa Faedah untuk 12 Bulan adalah seperti berikut:-
 - (a) ZIP adalah terpakai kepada Pemegang Kad ke atas transaksi Premium Insurans AIAFAM sahaja (tidak termasuk transaksi Premium Insurans AIAFAM di bawah program 0.8% Pulangan Tunai);
 - (b) jumlah amaun transaksi Premium Insurans AIAFAM mestilah melebihi RM601. Jika amaun transaksi adalah kurang daripada RM601, transaksi tersebut secara automatik akan menerima ganjaran 0.8% Pulangan Tunai tanpa mengambil kira Pemegang Kad Utama telah memilih Program ZIP pada awalnya. Bagi transaksi ZIP yang ditamatkan, Pemegang Kad tidak layak menyertai Program 0.8% Pulangan Tunai;
 - (c) tiada transaksi maksimum ZIP sebulan;
 - (d) akaun Kad yang tiada bayaran tertunggak dan mempunyai Had Kredit yang mencukupi pada masa permohonan;
 - (e) kelayakan Pemegang Kad berdasarkan pada Pemegang Kad Utama yang tidak disekat, dibatalkan atau ditamatkan oleh BSN;

- (f) jumlah amaun transaksi yang terlibat dengan menggunakan mana-mana Had Kredit tambahan yang diberikan oleh BSN kepada Pemegang Kad secara sementara tidak boleh ditukar kepada Program ZIP;
- (g) tiada mata ganjaran akan diberikan untuk transaksi Premium Insurans AIAFAM yang mengikuti di bawah Program ZIP; dan
- (h) pemegang Kad tidak dibenarkan untuk menukar program ganjaran daripada Program ZIP kepada Program 0.8% Pulangan Tunai.
- 3.3 Setelah mendapat kelulusan BSN untuk transaksi ZIP, Akaun Pemegang Kad akan dikurangkan mengikut agregat jumlah keseluruhan ansuran bulanan ZIP yang perlu dibayar. Setiap ansuran bulanan ZIP yang dibayar balik, jumlah bersamaan dengan ansuran bulanan ZIP akan dikembalikan kepada Had Kredit Pemegang Kad ini.
- 3.4 Ansuran bulanan ZIP akan dibilang ke Akaun Pemegang Kad pada Tarikh Penyata yang berikutnya selepas kelulusan permohonan oleh BSN dan setiap bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh semua ansuran bulanan ZIP.
- 3.5 Pemegang Kad hendaklah membayar ansuran bulanan ZIP sebagai tambahan kepada bayaran bulanan minimum 5% atas keseluruhan baki (jika ada). Sekiranya ansuran bulanan ZIP tidak diterima oleh BSN sepenuhnya pada tarikh akhir bayaran seperti yang dinyatakan dalam Penyata bulanan, caj kewangan bersesuaian akan dikenakan ke atas baki yang belum dibayar ansuran bulanan ZIP atau sebahagiannya daripada yang masih belum dibayar mengikut Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/MasterCard.
- 3.6 BSN tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa pertikaian di antara Pemegang Kad dan Rakan Niaga Yang Dibenarkan. Pemegang Kad mesti pada setiap masa membayar ansuran bulanan ZIP yang ditetapkan mengikut syarat-syarat di sini.
- 3.7 Tanpa mengira sama ada peristiwa kemungkinan telah berlaku, BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan tanpa memberi sebarang alasan kepada Pemegang Kad untuk menamatkan Program ZIP yang disediakan kepada Pemegang Kad di mana semua ansuran bulanan ZIP yang tertunggak perlu dibayar segera dan kena dibayar atas tuntutan Bank melalui notis secara bertulis kepada Pemegang Kad. Semua baki ansuran bulanan ZIP yang akan ditunjukkan dalam Penyata bulanan dan Pemegang Kad akan membayar selaras dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/Mastercard di mana kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan BSN berhak melaksanakan hak-haknya di bawah Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/Mastercard.
- 3.8 BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya mengubah dan/atau meminda peratusan ZIP untuk Kad pada bila-bila masa dengan cara menyiarkan di laman web atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BSN dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum apa-apa perubahan, pengubahsuaian dan/atau pindaan dilaksanakan.
- 3.9 Ansuran bulanan ZIP dikira berdasarkan formula berikut:-

$$\frac{\text{Amaun ZIP}}{\text{Tempoh ZIP}}$$

Ilustrasi:

Senario	Premium Insurans AIAFAM	12 bulan Tanpa Faedah
I	RM6,000	RM500
II	RM12,000	RM1,000
III	RM24,000	RM2,000

- 3.10 Keputusan BSN ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Program ZIP adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad.
- 3.11 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana risalah atau bahan promosi lain yang mengiklankan Program ZIP.

4. PROGRAM 0.4% PULANGAN TUNAI

- 4.1 Program 0.4% Pulangan Tunai hanya terpakai kepada Pemegang Kad BSN-AIAFAM Visa Platinum yang mempunyai akaun yang baik dan aktif. Pemegang Kad Kredit yang lain yang dikeluarkan oleh BSN tidak layak untuk menyertai Program 0.4% Pulangan Tunai melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh BSN.
- 4.2 Tertakluk kepada syarat-syarat di sini, Pemegang Kad layak menyertai Program 0.4% Pulangan Tunai dengan cara berikut:-
- (a) Pulangan Tunai adalah ganjaran kepada Pemegang Kad untuk transaksi runcit tempatan dan luar negara (tidak termasuk transaksi Premium Insurans AIAFAM di bawah Program Pelan Tanpa Faedah untuk 12 bulan dan Program 0.8% Pulangan Tunai);

Transaksi Runcit	Bukan Transaksi Runcit
<p>Transaksi di bawah adalah termasuk untuk pulangan tunai:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembelian tempatan dan luar negara ii. Auto-bil / Transaksi Berulang iii. E-dagang / Internet / Atas Talian iv. Pesanan Mel / Pesanan Telefon <p>Transaksi di bawah adalah tidak termasuk untuk pulangan tunai:</p> <p>Petrol</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Stesen perkhidmatan dengan atau tanpa perkhidmatan sampingan II. Dispenser bahan api, automatik <p>Cukai</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Bayaran cukai <p>Kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Kos mahkamah termasuk alimoni dan sokongan anak II. Denda III. Bayaran jaminan dan bon IV. Perkhidmatan kerajaan yang tidak dikelaskan di tempat lain V. Pos perkhidmatan kerajaan sahaja VI. Pembelian antara kerajaan sahaja 	<p>Transaksi di bawah adalah dikecualikan daripada pulangan tunai</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Program Pindahan Baki BSN ii. Kemudahan Tunai BSN iii. Pelan Pembayaran Mudah BSN iv. Pengeluaran Tunai / Transaksi Pengeluaran Tunai v. Pemulangan / Pengembalian Transaksi vi. Pertikaian, tidak sah dan/atau Penipuan Transaksi Runcit vii. Pecahan dan/atau Transaksi Terbatal viii. Sebarang yuran dan caj seperti Yuran Pendahuluan Tunai, Caj Kewangan dan Caj Bayaran Lewat.

- (b) Pulangan Tunai terkumpul pada setiap bulan mengikut tarikh kitaran bulan;
- (c) tiada had maksimum Pulangan Tunai dikira sebulan;
- (d) BSN akan memperuntukkan Pulangan Tunai kepada Pemegang Kad yang layak berdasarkan pada Pemegang Kad Utama yang tidak diselek, dibatalkan atau ditamatkan oleh BSN;

- (e) Pulangan Tunai yang diberikan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau selainnya sehingga Program Pulangan Tunai berakhir; dan
- (f) tiada mata ganjaran akan ditawarkan untuk Transaksi Runcit.
- 4.3 BSN berhak menurut budi bicara mutlaknya mengubah dan/atau meminda peratusan Pulangan Tunai untuk Kad pada bila-bila masa dengan cara menyiarkan di laman web atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BSN dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum apa-apa perubahan, pengubahsuaian dan/atau pindaan dilaksanakan.

Ilustrasi:

Senario	Transaksi Runcit	0.4% Pulangan Tunai
I	RM500	RM2
II	RM5,000	RM20
III	RM15,000	RM60

- 4.4 BSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan, kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-
- (a) apa-apa kerosakan, kecacatan atau kesilapan dalam mana-mana terminal kad atau sistem lain yang dibenarkan, walau apa pun sebabnya yang mengakibatkan kegagalan untuk menentukan jumlah Pulangan Tunai dalam mana-mana Akaun Kad Kredit atau kegagalan untuk melaksanakan atau menyelesaikan apa-apa transaksi; atau
- (b) sebarang kelewatan atau ketidakupayaan di pihak BSN untuk melaksanakan mana-mana obligasinya menurut Perjanjian ini dan/atau di dalam Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/MasterCard akibat daripada mana-mana kegagalan elektronik, mekanikal, sistem, pemprosesan data atau telekomunikasi, atau apa-apa peristiwa lain di luar kawalan BSN.
- 4.5 Keputusan BSN ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Program 0.4% Pulangan Tunai adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad.
- 4.6 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana risalah atau bahan promosi lain yang mengiklankan Program 0.4% Pulangan Tunai.